

15 SEP 1999

Sukan-Luncur

PELUNCUR DUNIA PUAS HATI PEMILIHAN GUNUNG KINABALU

KUNDASANG, 15 Sept (Bernama) -- Peluncur udara terkemuka dunia hari ini menyambut baik lokasi Gunung Kinabalu, tempat berlangsungnya kejohanan luncur udara jemputan Malaysia "Cabaran Kinabalu '99" hujung minggu ini.

Selepas melakukan beberapa ujian laluan, mereka dapati gunung itu mencabar, cantik dan menakjubkan, tempat yang amat sesuai bagi pertandingan sukan udara seperti itu.

Cabaran Kinabalu '99 -- kali pertama berlangsung di negara ini dan acara yang dapat meletakkan Malaysia dalam peta sukan luncur udara -- akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

Kejohanan itu ditaja bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan, Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd, Kerajaan Negeri Sabah dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Peluncur udara nombor satu dunia, Manfred Ruhmer dari Austria berkata laluan itu mencabar dan menakjubkan sekali.

"Saya tidak pernah berlepas begitu tinggi, jadi, ia merupakan satu pengalaman yang berlainan. Saya tidak fikir ia lebih sukar di sini tetapi yang pasti, ketinggianya lebih sedikit daripada kebiasaan... saya fikir ia amat baik, saya menyukainya," kata Ruhmer, 34, kepada pemberita di Kelab Golg Gunung Kinabalu di sini selepas latihan sesi pagi hari ini.

Pertandingan itu yang bermula esok, memerlukan peserta berlepas dari kawasan Puncak Selatan Gunung Kinabalu pada ketinggian kira-kira 3,660 meter di atas paras laut, dan kemudahan terbang meluncur mengelilingi kawasan udara Kundasang dan mendarat pada kadar kelajuan yang tinggi di kelab golf, kira-kira 1,580 meter di bawah.

Tetapi berapa laju yang boleh dilakukan oleh seorang peluncur semasa menggunakan versi kelajuan luncur mereka?.

Presiden FAI, badan pengawal sukan itu, dan Naib Presiden siri-siri luncur udara, Urray Rose, berkata ia boleh menjadi selaju 150 km sejam dan di sesetengah pertandingan sebelum ini, peluncur meluncur pada kelajuan itu lebih laju daripada 30 sm di atas tanah.

"Kesemuanya membabitkan kelajuan dan kemahiran dan anda mesti merupakan jurupandu yang baik untuk melakukannya... sudah pasti ia bukan untuk mereka yang baru menceburi bidang itu melakukannya," katanya.

Ia seperti perlumbaan ski, yang membezakannya hanya kelajuan luncur adalah di udara.

Seorang lagi peluncur terkemuka, Tove Heiney, 31, dari Australia yang kini memegang rekod bagi perlumbaan merentas desa wanita berkata Gunung Kinabalu sudah pasti baik bagi kejohanan dunia, kecuali peserta perlu bangun awal untuk mengelak pengumpulan awam pada sebelah tengah hari.

"Ia luar biasa kerana terlalu tinggi. Di kebanyakan tempat yang saya pernah pergi, kami hanya terbang pada ketinggian kira-kira 2,000 kaki," katanya.

Heiney mencatat rekod dunia dalam satu pertandingan di Australia tahun lepas selepas wanita itu meluncur sejauh 370 km dalam masa tujuh jam setengah.

Heiney adalah antara 10 peluncur udara antarabangsa dari Amerika Syarikat, Australia, Ukraine, United Kingdom, Itali, Jerman dan Perancis yang mengambil bahagian dalam acara itu.

Sementara itu para pegawai FAI yang mentadbir sukan luncur udara dunia, yang berada di sini bagi mengakses kesesuaian gunung itu sebagai tempat berlangsungnya kejohanan tersebut berkata secara teknikalnya, mereka dapati

ia merupakan lokasi yang paling sukar.

Malaysia menyuarakan hasrat untuk menjadi tuan rumah kejohanan luncur udara di sini pada tahun 2003.

Ditanya sama ada Gunung Kinabalu memenuhi semua keperluan menjadi tuan rumah kepada kejohanan dunia, Rose berkata: "itulah sebab yang kita sedang kenal pasti. Ia mungkin memerlukan banyak infrastruktur bagi melangsungkannya di sini dan saya harap pada tahun depan, kami akan memasukkan lokasi ini dalam siri grand prix luncur udara," katanya.

Rose yang mereka bentuk peralatan luncur udaranya sendiri dan menggunakannya dalam sukan luncur pada tahun 1995, berkata pada masa ini siri Grand Prix Dunia termasuk San Francisco, Kanada, Brazil, Mount Olympus, New Zealand, Korea dan "jika semua orang mahu ia dilangsungkan di Malaysia, ia akan berlaku."

Sementara itu, penganjur tempatan sedang membuat persiapan terakhir bagi memastikan kejayaan acara itu.

Hari ini, mereka mungkin telah lulus ujian paling getir peringkat permulaan menggunakan helikopter buatan Rusia, milik Jabatan Bomba dan Penyelamat yang diterbangkan di sini bagi membantu persiapan.

Jawatankuasa penganjur turut menggunakan khidmat tentera bagi memastikan kejayaan acara sulung itu.

-- BERNAMA

JS LAT